

## Berjudi guna telefon di tempat awam, lelaki didenda RM2,800

**KUCHING:** Gara-gara bermain judi menggunakan telefon bimbit di tempat awam, seorang lelaki didenda RM2,800 atau tiga bulan penjara di Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Hukuman dijatuhkan Majistret Leona Dominic Mojiliu terhadap Awie Ahmad, 29, yang mengaku bersalah apabila dituduh mengikut Seksyen 7(2) Akta Rumah Judi Terbuka 1953.

Seksyen berkenaan membawa hukuman denda maksimum RM5,000 atau penjara maksimum enam bulan atau kedua-duanya sekali, jika sabit

kesalahan.

Mengikut pertuduhan, Awie didakwa melakukan kesalahan itu sekitar jam 8.35 malam di sebuah kedai makan di Jalan Matang, Batu Kawa pada 9 Mac 2026.

Fakta kes mendedahkan sepasukan polis membuat serbuan dan pemeriksaan di kedai tersebut untuk mengesan kegiatan perjudian.

Polis yang memeriksa Awie seterusnya menjumpai sebuah telefon bimbit mengandungi unsur-unsur perjudian dalam talian.

Sehubungan itu, Awie dita-

han dan polis merampas telefon bimbit berkenaan.

Turut dirampas, sekeping keratan kertas tertulis ID dan kata laluan serta wang tunai RM47.

Siasatan lanjut kemudian mendapati Awie mengaku berada di tempat kejadian dan terlibat dengan permainan judi dalam talian menggunakan sebuah telefon bimbit semasa tangkapan dibuat.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Aidil Akmal Sharidan sementara Awie tidak diwakili peguam.